

Newspaper	Berita Harian
Date	17/11/2012

20 projek ETP jana RM10.08b

» Wujud 64,282 peluang pekerjaan

Oleh Ahmad Farizal Hajat dan Shaarani Ismail
bhbiz@bharian.com.my

Putrajaya

Datuk Seri Najib Razak semalam mengumumkan 20 projek Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Koridor Ekonomi yang bakal menjana Pendapatan Negara Kasar (PNK) RM10.08 bilion menjelang 2020.

Semua projek bakal menarik pelaburan RM26.09 bilion dan mewujudkan 64,282 peluang pekerjaan.

Sebanyak 11 adalah projek di bawah tujuh Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) membabitkan pelaburan RM6.68 bilion yang bakal menjana PNK RM1.129 bilion dan 40,021 pekerjaan baru.

Tujuh NKEA itu ialah minyak, gas dan tenaga; Greater Kuala Lumpur/ Lembah Klang; kandungan dan infrastruktur komunikasi; perkhidmatan perniagaan; kesihatan, pelancongan dan pendidikan.

Tiga koridor ekonomi

Sembilan lagi projek di bawah tiga koridor ekonomi membabitkan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SE-DC), Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IR-DA) yang bakal menyumbang RM8.95 bilion PNK serta pelaburan sebanyak RM19.41 bilion serta 24,461 pekerjaan.

"Semua projek bakal mencipta momentum positif yang akan membantu negara mencapai sasaran menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi," kata Perdana Menteri ketika mengumumkan laporan prestasi kemajuan terakhir ETP untuk tahun ini semalam.

Hab simpanan petroleum
Mendahului senarai pelabu-



Najib bergambar bersama sebahagian pelabur ETP selepas **mememukakan laporan prestasi kemajuan terakhir ETP tahun ini** di Putrajaya, semalam. (FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH)

ran projek NKEA minyak, gas dan tenaga ialah Seaport Worldwide Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Johor Port Bhd yang melabur RM1.02 bilion untuk membina Pusat Perindustrian Petrokimia dan Maritim Tanjung Bin di Pontian, Johor bagi memacu negara menjadi hab penyimpanan petroleum dan perdagangan di Asia Pasifik.

Nusa Gapurna Sdn Bhd melabur RM5.23 bilion untuk projek pembangunan hartanah menjana dan memulihkan semula perbandaran Petaling Jaya. GPSTech Solutions Sdn Bhd melabur RM16.29 juta membangun dan melancarkan aplikasi smartportal online dan telefon pintar percuma, iaitu Sistem Pengangkutan Awam Malaysia (MyPUTRAS). Ia menyediakan pengesanan dalam talian mengenai waktu nyata bas, anggaran masa ketibaan dan berlepas dan akses internet WiFi dalam bas.

CRF Computer Recovery Facility Sdn Bhd (CRF) melabur RM15.5 juta membina kemudahan pusat data dan infrastruktur rangkaian seluas 60,000 kaki persegi di Petaling Jaya.

Lima syarikat kesihatan pula terbabit di bawah NKEA kesihatan dengan Amanjaya Specialist Centre Sdn Bhd melabur RM40.3 juta, Love On

Wheels Healthcare Services Sdn Bhd (RM68.5 juta), Medical Innovation Ventures Sdn Bhd (RM8.92 juta), Vigilenz Medical Devices Sdn Bhd (RM25.8 juta) dan Straits Orthopaedics (Mfg) Sdn Bhd (RM76.38 juta).

Amanjaya akan membina hospital pakar pelbagai disiplin dengan 108 katil di Sungai Petani, Kedah yang dijangka beroperasi pada suku pertama 2014; Love On Wheels Healthcare Services menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan bersepadu mudah alih di lokasi pilihan pesakit, sama ada di rumah atau tempat kerja; Medical Innovation Ventures dalam bidang kajian dan pembangunan projek In-Vitro Diagnostik (IVD).

Vigilenz Medical Devices pengendalian produk dan perkhidmatan seperti jahitan sintetik,

“**Semua projek bakal mencipta momentum positif yang akan membantu negara mencapai sasaran jadi negara maju**”

Najib Razak,
Perdana Menteri

jaringan hernia, penjagaan luka, haemostats dan anti-pelekat; dan Straits Orthopaedics bidang implant spina serta produk penggantian sendi-sendi.

Bekalan elektrik mapan

Bagi sembilan projek di bawah tiga koridor ekonomi, Loji Kuasa Kimanis, iaitu loji kitaran gabungan berkuasa 300 Megawatt yang sedang dibina untuk menyediakan bekalan elektrik yang mencukupi dan mapan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi mendahului projek di bawah SEDC.

Ia disusuli projek Kluster Perindustrian Minyak Sawit (POIC) Lahad Datu, projek aktiviti resort ekopelancongan Taman Aquaculture di Sungai Kalumpang, pembangunan dan pengeluaran udang diternak di Kampung Pintasan, Kota Belud dan Sungai Telaga, Pitas secara komersial dan projek Resort Bersepadu Alila Dalit Bay di Pantai Barat Sabah.

Bagi NCIA, tiga projek diumumkan iaitu meningkatkan pengeluaran Arowana; projek penghasilan kerapu harimau setahun dan menggandakan hasil padi.

IRDA pula membabitkan pelaburan oleh Damansara Assets Sdn Bhd, untuk membangunkan semula KOMTAR dan Plaza Kotaraya.